



**Notis Sebut Harga**

**Tajuk Sebut Harga:**

RTB / K / 61 / 24-25  
– Supply, Fabricate And Install Logo Signage  
At Radio Television Brunei Studio Kuala Belait

**Bayaran Sebut Harga:**

BND5.00 (Tidak dikembalikan)  
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**

BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)  
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup:**

Rabu, 26 Jun 2024, jam 2.00 Petang

1. Sebut harga ini adalah dipelawa kepada semua pemborong-pemborong dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen sebut harga akan diberikan melalui e-mel selepas yuran sebut harga telah dibuat. Yuran sebut harga boleh dibayar melalui dua (02) kaedah seperti berikut:

**Kaunter Unit Hasil, Seksyen Kewangan (Tingkat 1),  
Ibu Pejabat Radio Televisyen Brunei,  
Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II,  
Bandar Seri Begawan, BA8610  
Negara Brunei Darussalam**

atau

**e-mel kepada [sebut\\_harga.rtb@rtb.gov.bn](mailto:sebut_harga.rtb@rtb.gov.bn)  
untuk pembayaran secara dalam talian (*online payment*)**

**Waktu Operasi Kaunter:**

Isnin – Khamis:  
8.30 Pagi – 11.30 Pagi  
2.00 Petang – 3.00 Petang  
Sabtu:  
8.30 Pagi – 10.00 Pagi

**\*Kaunter ditutup pada Hari-Hari Kelepasan Awam**

**Talian Kaunter Unit Hasil: +673 2242296 / +673 2242297 sambungan 341 / 221**

3. Sebut harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak Jabatan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan seperti berikut :

**Kepada:**

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga  
Jabatan Radio Televisyen Brunei  
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat,  
Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan  
Negara Brunei Darussalam BA8610  
Rujukan: RTB / K / 61 / 24 - 25  
Tarikh Tutup: 26 Jun 2024 (2.00 Petang)**

atau mengembalikan sebut harga melalui e-mel kepada [sebut\\_harga.rtb@rtb.gov.bn](mailto:sebut_harga.rtb@rtb.gov.bn) tidak lewat daripada tarikh dan jam yang telah ditetapkan.

4. Sebut harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan serta tidak mematuhi perkara 1, 2 dan 3 seperti di atas, tidak akan dilayan.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau lain-lain sebut harga.